

**BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015**

BK 1

**GEOGRAFI
KERTAS 1**

NAMA :

KELAS :


DIBIYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- Mempunyai banyak ion yang boleh memantulkan gelombang radio
- Suhu lapisan ini berbeza dan mencapai had melebihi 1200°C.
- Lapisan ini penting dalam perkembangan telekomunikasi.

1 Lapisan atmosfera manakah yang mempunyai ciri-ciri di atas?

- | | | | |
|---|-------------|---|------------|
| A | Stratosfera | C | Termosfera |
| B | Mesosfera | D | Troposfera |



2 Apakah proses X dalam rajah di atas?

- | | |
|---|-----------------------------|
| A | Luluhawa dan hakisan |
| B | Tekanan dan haba tinggi |
| C | Pemadatan dan penyimenan |
| D | Penggondolan dan pemendapan |

- Satu lapisan kaya dengan basalt olivin
- Suhu 800°C hingga 1600°C
- Terdapat arus perolakan

3 Penyataan di atas merujuk kepada lapisan

- | | | | |
|---|------------|---|-------------|
| A | Mantel | C | Teras luar |
| B | Kerak bumi | D | Teras dalam |

- Membuat simen konkrit
- Membuat kaca
- Membuat tembikar dan bata

4 Penyataan di atas berkaitan dengan

- | | | | |
|---|---------------|---|---------------------|
| A | Batuan igneus | C | Batuan metamorfosis |
| B | Batuan enapan | D | Batu granit |

- Jurang lautan
- Gunung berapi

5. Apakah proses pergerakan yang dapat dikaitkan dengan maklumat di atas.
- A pertembungan plat lautan dan plat lautan
 - B pertembungan plat benua dan plat benua
 - C pencapahan plat lautan dan plat lautan
 - D pencapahan plat benua dan plat benua
6. Pernyataan yang manakah benar tentang lava asid?
- A Mengandungi sedikit silika tetapi banyak besi dan magnesium
 - B Lambat membeku dan mengalir lebih jauh di permukaan bumi
 - C Mempunyai takat lebur yang rendah dan sangat panas
 - D Sangat pekat dan mengalir dengan perlahan
7. Antara berikut, tindakan luluhawa manakah paling dominan di kawasan gurun panas?
- I Penghidratan
 - II Pengkarbonan
 - III Perubahan suhu secara ekstrem
 - IV Penghabluran garam
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV



8. Apakah proses luluhawa kimia yang membentuk pandang darat dalam rajah di bawah?
- A Larutan
 - B Hidrolisis
 - C Pengkarbonan
 - D Pengoksidaan


- 9 Kombinasi manakah sesuai untuk pertumbuhan terumbu karang?

	Suhu Air	Kedalaman Air	Keadaan Air
A	20°C	50 meter	Jernih
B	25°C	50 meter	Jernih
C	20°C	60 meter	Jernih
D	25°C	60 meter	Jernih

- 10 Pilih pernyataan yang benar tentang proses kejadian gelongsoran tanah

- I Proses pergerakan tanah yang berlaku dengan cepat.
- II Hujan yang lebat dalam tempoh yang lama.
- III Berlaku secara perlahan-lahan.
- IV Pergerakan tanah dan proses kejadiannya sangat lambat dan sukar dilihat dengan mata kasar.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV



- 11 Apakah yang menyebabkan terbentuknya bentuk muka bumi yang bertanda Q di atas?

- A Hakisan sungai
- B Pengangkutan sungai
- C Aliran sungai
- D Pemendapan sungai

- 12 Apakah langkah pemeliharaan dan pemuliharaan laut dan lautan?

- A Menambak laut
- B Mewartakan taman laut
- C Menggalakkan sukan perahu layar
- D Menggalakkan pembinaan hotel di pulau


GEOGRAFI

13 Penebangan hutan paya bakau menyebabkan berlakunya

- A hakisan ombak
- B pemendapan ombak
- C pengangkutan ombak
- D damparan ombak

14 Apakah kepentingan laut dan lautan kepada negara Malaysia?

- I Bekalan air minuman
 - II Sumber protein
 - III Menyederhanakan suhu
 - IV Sumber tenaga ombak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV




DUNIA


15 Pada tahun 1995, satu fenomena alam berlaku berukuran 7.8 skala richter. Akibat kejadian ini, banyak nyawa telah terkorban dan menyebabkan kemusnahan harta benda. Fenomena alam dalam huraian di atas berlaku di kawasan yang bertanda

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV


Soalan 16 dan soalan 17 adalah berdasarkan rajah di bawah



- 16 Rajah di atas dikenali sebagai
- graf bar bersegi lapan
 - barometer aneroid
 - rajah kelajuan angin
 - mawar angin
- 17 Angka 5 di dalam segi lapan di atas menunjukkan
- purata halaju angin
 - jumlah hari ribut
 - jumlah hari tenang
 - jumlah hari hujan
- 18 Apakah waktu tempatan di X berdasarkan rajah di bawah?



- 8.12 pagi
- 3.48 pagi
- 3.48 petang
- 8.12 malam



19 Berdasarkan rajah di atas, fenomena apakah yang akan terjadi?

- I Hemisfera Selatan mengalami musim panas
- II Hemisfera Utara mengalami musim panas
- III Kutub Utara mengalami 24 jam siang
- IV Kutub Selatan mengalami 24 jam siang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu ($^{\circ}\text{C}$)	18	19	19	20	21	21	20	20	19	19	18	18

Stesen Q

20 Jadual di atas menunjukkan bacaan suhu di stesen Q. Berapakah julat suhu di stesen Q?

- A 3°C
- B 5°C
- C 18°C
- D 21°C

- Hutan tenggelam
- Tasik terbentuk

21 Apakah yang menyebabkan berlakunya kejadian di atas?

- A Kegiatan akuakultur
- B Penerokaan hutan paya
- C Kegiatan perlombongan bijih timah
- D Pembinaan empangan kuasa hidroelektrik

Pemeliharaan ialah suatu usaha untuk melindungi, merancang dan menguruskan sumber semula jadi supaya bekalannya dapat diperolehi secara berterusan

22 Antara berikut manakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia untuk memelihara hutan?

- I Rawatan silvikultur
- II Mewartakan Taman Negara
- III Mengawal pembalakan haram
- IV Mewujudkan ladang hutan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Haiwan manakah adalah pengguna primer dalam rantai makanan?

- A Ular
- B Katak
- C Helang
- D Belalang

- Malar hijau
- Tumbuhan menumpang

24 Apakah jenis tumbuhan semula jadi yang dapat dikaitkan dengan maklumat di atas?


- A Hutan Konifer
- B Hutan Hujan Tropika
- C Hutan Monsun Tropika
- D Padang Rumput Sederhana

25 Maklumat berikut merupakan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi.

- Pokok-pokok meluruhkan daun pada musim kemarau
- Terdapat pokok berkayu keras seperti jati, penaga dan cendana

Apakah jenis tumbuhan semula jadi tersebut?

- A Hutan Paya
- B Hutan Konifer
- C Hutan Hujan Tropika
- D Hutan Monsun Tropika



DUNIA

26 Berdasarkan peta di atas, kawasan yang manakah mempunyai ciri-ciri tumbuhan semula jadi seperti berikut?


- Batang lurus
- Pokok berbentuk kon
- Daun berbentuk jarum

- | | | | |
|---|----|---|-----|
| A | I | C | III |
| B | II | D | IV |

27 Apakah kesan kegiatan pembalakan secara tidak terkawal?

- A Fenomena jerebu
- B Kejadian banjir kilat
- C Peningkatan suhu setempat
- D Perubahan arah tiupan angin

28 Apakah kaedah perikanan yang menyumbang kepada kepupusan hidupan liar dalam gambar di bawah?



- | | | | |
|---|------------|---|--------------|
| A | Kelong | C | Tukun tiruan |
| B | Akuakultur | D | Pukat tunda |

- 29 Kawasan berlorek X dan Y dalam peta di bawah menunjukkan kawasan pemeliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi.



MALAYSIA

Bagaimanakah usaha pemeliharaan dilaksanakan di kawasan tersebut?

- A Mewujudkan ladang hutan
- B Mewartakan taman Negara
- C Melaksanakan sistem penebangan terpilih
- D Melakukan program penghutan semula

Banyak hutan di Malaysia telah diwartakan sebagai Taman Negara seperti Taman Negara Bako dan Taman Negara Kinabalu

- 30 Mengapakah langkah mewartakan taman negara perlu dilaksanakan?

- I Memelihara kawasan tadahan
 - II Mengekalkan bekalan oksigen
 - III Menghadkan pemberian lesen pembalakan
 - IV Meningkatkan pengeluaran kayu balak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis hutan semula jadi.

- Hutan Hujan Tropika
- Hutan Paya Bakau

Apakah persamaan kepentingan hutan tersebut kepada ekosistem?


- A Kepelbagaian biologi
- B Habitat hidupan marin
- C Mengawal gerakan jisim
- D Penapis bahan pencemar

32 Kombinasi manakah yang benar tentang ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di bawah.

	Hutan Hujan Tropika	Hutan Monsun Tropika
A	Malar hijau	Daun berbentuk jarum
B	Pokok berbentuk kon	Lantai hutan tebal
C	Berakar banir	Daun gugur pada musim kering
D	Tumbuhan lantai jarang	Mempunyai empat lapisan

33 Apakah persamaan ciri Hutan Konifer dengan Hutan Hujan Tropika?

- | | | | |
|---|---------------|---|--------------------------|
| A | Malar hijau | C | Berdaun lebar |
| B | Berakar banir | D | Berbunga sepanjang tahun |



DUNIA


- Penduduk padat
- Kawasan pertanian utama
- Kadar kelahiran tinggi

34 Pernyataan di atas merujuk pada kawasan peta bertanda

- | | | | |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II | C | III dan IV |
| B | II dan III | D | I dan IV |

35 Apakah ciri kependudukan di negara yang mengalami kurang penduduk?

- | | |
|---|--------------------------|
| A | Taraf hidup rendah |
| B | Jangka hayat tinggi |
| C | Bekalan sumber terhad |
| D | Peluang pekerjaan kurang |



MALAYSIA

36 Mengapakah kawasan yang bertanda X dan Y dalam peta di atas menjadi tumpuan penduduk?

- A Tanah aluvium
- B Aktiviti pelancongan
- C Industri menapis petroleum
- D Tanah rancangan pertanian

Ali seorang anak nelayan telah melanjutkan pelajaran di Kuching. Selepas mendapat ijazah, Ali kembali untuk menjadi pendidik di tempat asalnya

37 Jenis migrasi yang telah dilalui oleh Ali ialah

- I bandar ke bandar
 - II bandar ke luar bandar
 - III luar bandar ke bandar
 - IV luar bandar ke luar Bandar
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

38 Apakah jenis migrasi yang berlaku di kawasan tanah rancangan berikut?

- FELDA Jengka, Pahang
- FELDA Sahabat, Sabah

- A Bandar ke bandar
- B Bandar ke luar bandar
- C Luar bandar ke bandar
- D Luar bandar ke luar Bandar

GEOGRAFI

39 Apakah yang akan dialami oleh negara yang mempunyai ciri kependudukan berikut?

- Peratus penduduk muda rendah
- Peratus penduduk tua rendah

- A Tenaga kerja kurang
- B Pendapatan perkapita kurang
- C Keperluan pendidikan meningkat
- D Migrasi keluar penduduk meningkat

40 Apakah faktor tolakan yang menyebabkan berlakunya migrasi bandar ke luar bandar?

- A Peluang melanjutkan pelajaran luas
- B Peluang pekerjaan kurang
- C Kadar jenayah tinggi
- D Kos hidup tinggi

KERTAS SOALAN TAMAT

afterschool.my



BAHAN KECEMERLANGAN

SPM 2015

**Skema
BK 1**

GEOGRAFI

DIBIYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

BAHAN KECEMERLANGAN 1 GEOGRAFI SPM 2015
SKEMA GEOGRAFI KERTAS 1 [2280/1]

NO. SOALAN	JAWAPAN
1.	C
2.	B
3.	A
4.	B
5.	A
6.	D
7.	D
8.	C
9.	B
10.	A
11.	D
12.	B
13.	A
14.	C
15.	A
16.	D
17.	C
18.	C
19.	C
20.	A

NO. SOALAN	JAWAPAN
21.	D
22.	C
23.	D
24.	B
25.	D
26.	A
27.	C
28.	D
29.	B
30.	A
31.	A
32.	C
33.	A
34.	C
35.	B
36.	C
37.	B
38.	D
39.	A
40.	D

**BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015**

BK 1

**GEOGRAFI
KERTAS 2**

NAMA :

KELAS :


DIBIYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.


Soalan 1 hingga Soalan 5 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2012. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.



1 (a) Namakan simbol pusat keagamaan yang terdapat di dalam segiempat grid di atas.
..... [1 markah]

(b) Berikan rujukan grid enam angka bagi pusat keagamaan tersebut.
..... [1 markah]

2 Nyatakan pola petempatan Kg Beras Murni yang terdapat dalam segi empat grid berikut.



..... [1 markah]

*Ali berada di Maktab Perguruan (RG 127885).
Dia ingin ke sekolah di Kubang Petani yang berada di RG 098882.*


3 (a) Berapakah jarak yang perlu dilalui oleh Ali jika dia melalui lebuh raya tunggal untuk ke sekolah tersebut.
.....kilometer. [2 markah]

GEOGRAFI

(b) Berdasarkan jawapan 3 (a), berapakah masa yang diambil oleh Ali jika 1 kilometer mengambil masa 2 minit?

..... [2 markah]

4 (a) Namakan dua jenis tanaman yang terdapat dalam segi empat grid di bawah.



(i)

(ii)

[2 markah]


(b) Nyatakan tiga faktor yang menggalakkan penanaman tanaman di 4 (a).

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]



5 (a) Kawasan di dalam segi empat grid di atas berpotensi berkembang menjadi sebuah bandar baharu. Berikan alasan anda.

(i)

(ii)


(iii)

[3 markah]

(b) Nyatakan **tiga** sumbangan Tasik Tukun kepada penduduk di kawasan sekitarnya?

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]




Kawasan di dalam segi empat grid di atas tidak wajar untuk diterokai

(c) Nyatakan alasan anda untuk menyokong pernyataan di atas.

- (i)
- (ii)

[2 markah]



6 (a) Berdasarkan foto di atas, berikan **dua** kepentingan bentuk muka bumi kepada ekonomi sesebuah negara.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah jenis pergerakan jisim yang akan berlaku jika kawasan tersebut dibangunkan oleh syarikat pemaju.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan **tiga** kesan alam sekitar yang akan berlaku akibat pembangunan di kawasan tersebut.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]


(d) Cadangkan **tiga** langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak alam sekitar terhadap kawasan tanah tinggi.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]



7 (a) Namakan jenis-jenis musim yang berlaku di tempat-tempat berikut.

(i) I :

(ii) II :

(iii) III :

(iv) IV:

[4 markah]

(b) Tempoh masa bumi melengkapkan peredarannya ialah selama

.....

[1 markah]

(c) Nyatakan tiga kesan peredaran bumi mengelilingi matahari.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(d) Kejadian siang dan malam yang sama panjang akan berlaku apabila matahari berada tegak di kawasan :

(i)

(ii)

[2 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan.

- 8 (a) Jadual di bawah menunjukkan taburan suhu bandar P.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu (°C)	27	28	28	28	28	27	27	28	27	27	28	27

Taburan Suhu Bandar P

Berdasarkan jadual di atas, lukiskan sebuah graf garis yang menunjukkan taburan suhu bandar P dengan menggunakan skala 1 cm mewakili 2°C.

[8 markah]


- (b) Pada pendapat anda, apakah aktiviti manusia yang boleh menyebabkan berlakunya peningkatan suhu di bandar P.

[6 markah]


- (c) Suhu tinggi dalam tempoh masa yang lama menyebabkan berlakunya kemarau. Nyatakan enam kesan kejadian kemarau terhadap alam sekitar fizikal dan manusia.

[6 markah]

- 9 Gambar rajah di bawah menunjukkan dua jenis tumbuhan semula jadi di dunia.



Tumbuhan A



Tumbuhan B

- (a) (i) Nyatakan perbezaan ciri tumbuhan semula jadi A dan B. [6 markah]

- (ii) Apakah kepentingan tumbuhan semula jadi A dan B kepada alam sekitar? [4 markah]

- (b) Terangkan kesan penerokaan tumbuh-tumbuhan semula jadi terhadap alam sekitar fizikal. [5 markah]
- (c) Bagaimanakah pembangunan lestari dapat mengekalkan tumbuh-tumbuhan semula jadi di sesebuah negara ? [5 markah]


10 (a) Di atas peta No. 1 (Malaysia), namakan:

- (i) Kawasan berpenduduk padat bertanda A dan C
- (ii) Kawasan tumpuan migrasi luar bandar bertanda B
- (iii) Kawasan berpenduduk jarang bertanda D [4 markah]

(b) Nyatakan ciri-ciri migrasi ke luar bandar di Malaysia. [4 markah]

(c) Jelaskan faktor-faktor migrasi ke luar bandar. [6 markah]

(d) Migrasi bandar ke luar bandar telah menyebabkan perubahan di kawasan yang dituju. Huraikan perubahan tersebut. [6 markah]




Negara X

- 11 (a) Apakah ciri-ciri demografi yang dapat dirumuskan daripada piramid negara X di atas. [6 markah]
- (b) Kerajaan Malaysia menggalakkan kadar kelahiran penduduk tinggi. Jelaskan mengapakah dasar itu dilaksanakan? [4 markah]
- (c) Huraikan masalah kependudukan yang mungkin dialami oleh negara X. [5 markah]
- (d) Apakah yang perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah kependudukan di negara X. [5 markah]

Kertas soalan tamat

Nama : Tingkatan :
 No. Kad Pengenalan : Angka Giliran :

PEPERIKSAAN TOV SPM GEOGRAFI 2015
 Peta No. 1 (Malaysia) untuk Soalan No. 10 (a)
 (Hendaklah diikat bersama dengan jawapan lain)



Malaysia

A	
B	

D	
E	

BAHAN KECEMERLANGAN 1 GEOGRAFI SPM 2015
SKEMA GEOGRAFI KERTAS 2 [2280/2]

BAHAGIAN A

- 1 (a) Simbol pusat keagamaan**
- tokong [1 markah]
- (b) Rujukan grid enam angka**
- RG 167896 [1 markah]
- 2 Pola petempatan**
- berjajar [1 markah]
- 3 (a) Jarak yang dilalui**
- 3.0 km [2 markah]
 - 2.8 / 2.9 / 3.1 / 3.2 km [1 markah]
- (b) Masa yang diambil**
- 6 minit [2 markah]
 - 5.6 / 5.8 / 6.2 / 6.4 minit [1 markah]
- 4 (a) Jenis tanaman**
- getah
 - kelapa sawit [2 markah]
- (b) Faktor yang menggalakkan penanaman tanaman**
- kawasan tanah pamah / beralun
 - sumber tenaga ramai
 - bersaliran baik
 - jaringan pengangkutan yang baik [3 markah]
- 5 (a) Potensi kawasan**
- terletak di kawasan tanah rata / pamah
 - terdapat banyak kemudahan asas
 - jaringan pengangkutan baik / infrastruktur/ berdekatan dengan lebuh raya
 - migrasi penduduk [3 markah]

(b) Fungsi Tasik Tukun kepada penduduk di kawasan setempat

- sumber air / bekalan air
- kawasan rekreasi / pelancongan
- sumber protein
- mengairi kawasan pertanian
- sumber tenaga elektrik

[3 markah]

(c) Alasan untuk menyokong

- habitat flora / fauna
- kawasan tadahan air
- hutan rizab / hutan simpan

[2 markah]

6 (a) Kepentingan tanah tinggi kepada ekonomi sesebuah negara

- kegiatan pelancongan
- kegiatan pertanian
- kegiatan pembalakan

[2 markah]

(b) Jenis pergerakan jisim

- tanah runtuh / gelongsoran tanah
- aliran tanah
- aliran lumpur

[2 markah]

(c) Kesan alam sekitar

- harta benda musnah
- nyawa terkorban
- hutan musnah / flora musnah
- fauna musnah
- habitat flora / fauna musnah

[3 markah]

(d) Langkah mengurangkan impak alam sekitar di kawasan tanah tinggi

- kuatkuasa undang-undang
- kempen cintai alam sekitar
- membina benteng/ tembok / groin/ tetulang konkrit
- tanaman tutup bumi / rumput
- membina saluran air / longkang
- menutup permukaan cerun / plastik
- membina teres

[3 markah]

- 7 (a) **Jenis musim**
- I musim bunga
 - II musim panas
 - III musim luruh
 - IV musim sejuk / dingin
- [4 markah]
- (b) **Tempoh masa peredaran bumi**
- 365 $\frac{1}{4}$ hari / 1 tahun
- [1 markah]
- (c) **Kesan peredaran bumi**
- kejadian empat musim
 - gerhana bulan
 - gerhana matahari
 - siang dan malam tidak sama panjang
- [3 markah]
- (d) **Kejadian siang dan malam sama panjang di kedudukan**
- I
 - III
- [2 markah]

BAHAGIAN B

- 8 (a) (i)
- | | | |
|---------|---|---|
| Tajuk | = | 1 |
| Skala | = | 1 |
| Paksi X | = | 1 |
| Paksi Y | = | 1 |
| Plotan | = | 4 |
| | | 8 |
- [8 markah]
- (b) **Aktiviti manusia yang menyebabkan peningkatan suhu di bandar P**
- penebangan pokok
 - pembebasan asap kilang / kenderaan
 - pembinaan bangunan berkaca / bercermin
 - bangunan rapat-rapat
 - pembinaan bangunan konkrit
 - pembinaan bangunan tinggi / pencakar langit
 - permukaan bumi diturap / simen
 - pembakaran bahan api fosil / stesen janakuasa
 - pembakaran terbuka
 - aktiviti pembinaan
 - pelepasan gas CFC
- [6 markah]

(c) Kesan kemarau terhadap alam sekitar fizikal dan manusia

Alam sekitar fizikal

- kepupusan flora
- kepupusan fauna
- kebakaran hutan
- kemusnahan habitat fauna
- sungai menjadi cetek / kering
- tanah merekah

Alam sekitar manusia

- air empangan merosot
- bekalan air berkurangan / catuan air
- dehidrasi / kehilangan air berlebihan dari badan
- ketidakselesaan
- 'stroke' haba
- wabak penyakit
- tanaman musnah / padi
- ternakan mati
- hasil pertanian merosot / berkurang

[6 markah]

9 (a) i) Perbezaan ciri tumbuhan semula jadi A dan B

Hutan hujan tropika (A)	Hutan pokok tirus (B)
<ul style="list-style-type: none"> - kayu keras - bercampur aduk - daun lebar - 4 lapisan - akar banir - pelbagai spesies pokok - jenis pokok ; meranti, cengal, seraya, keruing, nyatoh dll 	<ul style="list-style-type: none"> - kayu lembut - dirian tulen - daun berbentuk jarum / kecil / liat - 1 lapisan - akar serabut - satu atau dua spesies pokok - jenis pokok ; pain, fir, sprus, larch, birch , oak dll

[6 markah]

(a) ii) Kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi kepada alam sekitar

- kawasan tadahan air
- menyederhanakan suhu
- habitat fauna
- rantai makanan
- mencegah hakisan tanah
- kitaran air
- menghasilkan bahan organik
- sumber nutrien
- mengawal / mengurangkan banjir
- mengurangkan larian air permukaan



[4 markah]

(b) Kesan penerokaan tumbuh-tumbuhan semula jadi terhadap alam sekitar fizikal

- kepupusan flora
- kepupusan fauna
- habitat flora musnah
- habitat fauna musnah
- kawasan hutan berkurangan
- perubahan landskap / pandang darat
- suhu meningkat / kesan rumah hijau
- tanah terhakis
- tanah runtuh / gelongsoran tanah
- kawasan tadahan musnah
- ekosistem / rantai musnah

[5 markah]

(c) Langkah pengurusan tumbuh-tumbuhan semula jadi

- mewartakan hutan simpan / taman negara
- penghutanan semula / tanam pokok
- penubuhan estet hutan / ladang hutan
- R & D oleh FRIM
- menggunakan bahan alternatif
- amalan kitar semula
- kempen kesedaran
- pendidikan alam sekitar
- rawatan silvikultur
- penguatkuasaan undang-undang
- penebangan terpilih / pokok matang

[5 markah]

10 (a) Peta

- A - Ipoh / Lembah Kinta
- B - Bandar Pusat Jengka / Wilayah Pembangunan Jengka
- C - Delta Sg. Rajang
- D - Banjaran Crocker

[4 markah]

(b) Ciri-ciri migrasi ke luar bandar

- bandar ke luar bandar
- luar bandar ke luar bandar
- berkeluarga 18 – 35 tahun
- suami isteri
- golongan tua / bersara
- kaum majoriti bumiputera
- berpindah secara besar-besaran/berkelompok + RKT
- berpindah terancang + RKT

[4 markah]

(c) Faktor-faktor migrasi ke luar bandar

- menyertai pembukaan tanah rancangan
- pencen / bersara
- tamat kontrak (askar)
- arahan berpindah
- mencari ketenangan
- IPT luar bandar + contoh
- rancangan penempatan semula, cth bina empangan, PPRT, keselamatan dll
- petempatan banjir
- meningkatkan taraf hidup
- peningkatan kemudahan asas luar bandar
- mengikut keluarga

[6 markah]

(d) Perubahan kawasan yang dituju

- pertambahan penduduk
- pertambahan buruh
- wujud petempatan baru
- peluasan kawasan petempatan
- jumlah bangunan bertambah
- kemudahan asas / awam / infrastruktur bertambah
- Cth : jalan raya / bekalan air / elektrik / sekolah / klinik / telefon
- aktiviti ekonomi bertambah
- nilai hartanah meningkat
- perubahan landskap (cth; hutan kepada estet)

[6 markah]

11 (a) Ciri-ciri piramid

- kadar kelahiran tinggi
 - kadar kematian tinggi
 - jangka hayat penduduk rendah
 - kumpulan umur 0 – 4 tahun paling ramai
 - peratus kanak-kanak lelaki dan perempuan hampir sama
 - peratus warga tua lelaki dan perempuan hampir sama
 - kumpulan umur lebih 80 tahun paling kecil
 - kadar pertumbuhan penduduk tinggi
- [6 markah]

(b) Sebab-sebab kerajaan menggalakkan kadar pertumbuhan penduduk tinggi

- memenuhi permintaan tenaga kerja
 - mengurangkan tenaga kerja asing / buruh import
 - meluaskan pasaran tempatan
 - penerokaan sumber semula jadi secara optimum
 - mencapai tahap penduduk optimum
 - penjana idea / kepakaran
 - menjana pembangunan negara / pelbagai industri
- [4 markah]

(c) Masalah kependudukan di Negara X

- pertambahan penduduk di bandar-bandar
 - pertumbuhan penduduk tinggi
 - kemiskinan / daya pengeluaran rendah / kebuluran
 - taraf hidup rendah
 - pendapatan perkapita rendah
 - kadar celik huruf rendah
 - taraf kesihatan rendah
 - taraf teknologi rendah
 - migrasi ke bandar tinggi
 - kadar upah rendah
 - kesesakan lalu lintas di bandar
 - pencemaran udara
 - pengangguran meningkat
 - masalah perumahan / setinggan meningkat
 - jenayah / sosial meningkat
- [5 markah]

(d) Pelaksanaan untuk mengatasi masalah kependudukan di Negara X

- menambah bilangan rumah kos rendah
- menambah ilmu keibubapaan
- meningkatkan taraf kesihatan
- menambah kemudahan perubatan
- menambah kemudahan asas / infrastruktur
- menambah kemudahan awam / sosial
- menambah bekalan makanan tempatan / import
- memodenkan sektor pertanian
- membanyakkan peluang pekerjaan
- menambah kemudahan pendidikan

[5 markah]

Skema pemarkahan tamat